

## **AMALAN "SINGKAP DAUN AMBIL BUAH" MELONGGARKAN KETENTUAN MENYEBABKAN KEPUDARAN ADAT.(\*)**

### **1. PENDAHULUAN**

Negeri Sembilan sebuah negeri yang bertuah kerana mempunyai beberapa kelainan dan keistimewaan menjadikan ianya begitu unik dengan ciri-ciri identiti tersendiri. Perkara yang menyebabkan keadaan demikian adalah ekor rentetan sejarahnya. Nama 'Negeri Sembilan' bukan diambil daripada nama sungai atau pokok seperti setengah-setengah negeri di Malaysia. Sebaliknya cantuman sembilan buah 'luak' (kawasan) menjadikan nama kepada 'Negeri Sembilan'. Namun satu hal yang lebih menonjol ialah sistem sosialnya, iaitu 'Adat Perpatih' yang menjadi tarikan dalam perhatian umum. Dengan sistem sosial ini sebahagian besar masyarakat Melayu Negeri Sembilan menjadi pengamal tradisi yang cukup ampuh, berwibawa dan dihormati. Pemakaian sistem sosial ini menjadikan masyarakat Melayu Negeri Sembilan sangat dikagumi kerana mempunyai 'rukun dan falsafah hidup' yang cukup bersistem di samping mematuhi 'peraturan dan undang-undang' dalam mencernakan kehidupan sehari-hari. Sudah berabad lamanya masyarakat Melayu Negeri Sembilan menempa nama sebagai pengamal 'demokrasi' sebelum tibanya sistem demokrasi moden hari ini. Hal ini menjadi cukup menarik dan memukau masyarakat di luar adat yang sering bertanyakan 'rahsia' yang tersirat di sebalik pepatah petiti dengan makna tersimpul kukuh kuat dan padu.

Oleh  
Haji Ismail bin Abdul Hadi  
Setiausaha Kehormat  
Persatuan Sejarah Malaysia  
Cawangan Negeri Sembilan

---

(\*) Kertas kerja yang dibentangkan dalam SEMINAR ADAT PERPATIH anjuran Kerajaan Negeri Sembilan, Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN) dan Lembaga Muzium Negeri di Dewan Tunku Najihah, Seri Menanti pada 5 Mei 2000.

### ASAL-USUL ADAT PERPATIH (SEPINTAS LALU)

Sudah diketahui umum Adat Perpatih datangnya dari Pagar Ruyung, Minangkabau sejak ratusan tahun lalu. Adat ini dibawa oleh orang Minangkabau yang datang bertali arus seawal-awalnya abad ke-10 dan menjadi kencang pada abad ke-15 hingga ke-19 malah hingga ke hari ini. Dari arus gelombang kecil hinggalah ke arus gelombang besar dengan konsep 'merantau'nya.

*Ke rantau madang ke hulu  
Keduduk berbunga belum  
Merantau bujang dahulu  
Di kampung berguna belum*

Atas kepentingan 'keselamatan dan keselesaan' mereka tidak menetap di kawasan pantai malah masuk jauh ke kawasan pedalaman yang jauh dari lanun dan perompak laut. Dari 'tinggal sementara' sehinggalah 'tinggal tetap' meneroka kampung halaman, berasimilasi dan bersemenda dengan penduduk tempatan. Amalan sistem sosial Adat Perpatih dijadikan teras sistem kehidupan mereka di tempat penerokaan sehingga ia diterima pakai oleh penduduk tempatan sementelahan pula mereka ini sudah mengalami Zaman Besinya lebih awal. Mereka berasal dari beberapa buah kampung di Minangkabau yang akhirnya nama kampung tersebut dijadikan 'kelompok' atau 'suku' di kawasan masing-masing.

Dengan itu lahirlah 11 buah suku bersama satu suku asli iaitu 'Biduanda' (1) menjadikan 12 suku keseluruhannya memakai sistem sosial Adat Perpatih ini. Hal ini berbeza dengan Minangkau di mana hanya terdapat 4 buah suku iaitu Bodi, Chaniago, Koto dan Piliang.

---

(1) Suku Penduduk asal (Jakun) yang diberi keistimewaan menyandang jawatan Penghulu Luak (Undang Yang Empat) dan beberapa jawatan 'Dato' bergelar sebagai Pembesar Luak.

### **3. PENGAMAL ADAT**

Orang Melayu Negeri Sembilan (bukan semua) adalah pengamal setia Adat Perpatih terutama di daerah Rembau, Jekebu, Kuala Pilah, Tampin, Jempol manakala kurang di daerah Seremban dan Port Dickson. Masyarakat adat hidup `berbaluk' dengan masyarat di luar adat dan kaum-kaum yang lain di samping menjalankan peraturan dan undang-undang adat yang tersurat dan tersirat. Sejak dahulu mereka menerima 'kefahaman' ini dengan senang hati dan menghormati, menyanjung dan menjaganya dengan baik dari generasi ke generasi. Di kampung lebih totok pemakaiannya jika dibandingkan dengan pekan dan bandar yang semakin tipis upayanya melaksanakan sistem adat ini. Tetapi hari ini kekurangan upaya ini mula menular ke kampung-kampung. Kenapa? Inilah isu mengapa kertas kerja ini ditulis untuk sama-sama dibincangkan.

### **4. TANGGAPAN 'ORANG LUAR' TENTANG ADAT PERPATIH**

Tanggapan yang dibuat oleh masyarakat luar tentang Adat Perpatih ialah suatu yang 'ortodok', ketinggalan zaman yang tidak membawa apa-apa keuntungan malah mendatangkan kerugian. Apakah ini benar? Apanya yang ortodok dan apanya yang ketinggalan zaman dan tidak menguntungkan? Sedangkan perbilangan mengatakan:

*Carik-carik dikajangi  
Usang-usang diperbaharui  
Kok panjang dikerat  
Kok pendek dihubungi  
Adat tetap berdiri.*

Seterusnya dikatakan Adat Perpatih itu 'tidak adil' dan tidak saksama. Kita perlu tahu, tentang apanya yang tidak adil, aspek mana yang tidak saksama. Pepatah petiti sebagai bahasa adat bukan semudah disebut tetapi mempunyai makna tersirat yang perlu dihuraikan. Keadilan dan saksama ternyata dalam beberapa ungkapan perbilangan:

*Berat sama dipikul  
Ringan sama dijinjing  
Ke bukit sama didaki  
Ke lurah sama dituruni  
Hati gajah sama dilapah  
Hati kuman sama dicecah  
Dapat sama laba  
Hilang sama rugi*

Adalah terang dan nyata ungkapan yang mengatur tingkah laku manusia yang mengamalkan adat ini. Soalnya kenapa berlaku tidak adil atau tidak saksama. Tentu ada sikap peribadi individu yang punya motif dan kepentingan 'labo ko porot'. Dengan kata lain, adat itu berjalan dengan adil dan saksama cuma manusia yang memutarbelitkan makna yang tersirat ke arah yang 'negatif'. Tohmahan begini tentu tidak boleh diterima.

Sesetengah Adat Perpatih itu dimomokkan dengan mengatakan orang lelaki 'pengecut' dan tunduk kepada orang perempuan. Macam mana boleh dianggap begitu? Apakah keistimewaan yang diberi kepada orang perempuan maka dikatakan lelaki pengecut dan tunduk? Perkara ini perlu penjelasan fungsi dan peranannya. Apakah 'orang semenda' disuruh arah:

*Disuruh pergi, pergi  
Disuruh datang, datang*

Apakah arahan ini penerimaanya seorang pengecut? Apakah semua harta 'bulek' pada perempuan dikatakan lelaki dayus? Tentu tidak kena kerana ada perbilangan mengatakan:

*Harta pembawaan  
Harta dapatan  
Harta carian  
Harta pesaka*

Jika difahami maksud yang tersirat, akan maksud harta itu maka ia tidak timbul adanya perasaan tamak di kalangan perempuan. Malah orang lelaki yang melaksanakan peraturan dan mendukung adat serta menjaganya dengan baik dan utuh. Lelaki orang adat bukan 'mengikut telunjuk' adat serta menjaganya dengan baik dan utuh. Lelaki orang adat bukan 'mengikut telunjuk' tetapi lebih 'menunjuk'. Sikap toleransi yang ditunjukkan oleh orang lelaki menambahkan kukuhnya pemakaian sistem sosial Adat Perpatih.

Suatu yang lebih serius dikatakan adat itu bertentangan dengan hukum agama Islam. Tuduhan ini juga tidak tepat. Antara adat dan agama saling berkait:

*Adat bersendi syarak  
Syarak bersendi hukum  
Hukum bersendi Kitabullah  
Syarak tak menegah  
Adat tak menghalang  
Muafakat sekata  
Barulah kerja dimula*

Masyarakat adat punya alim ulama yang sentiasa memerhati dan menasihati akan perjalanan adat, mana yang bercanggah dibuang; dipakai mana yang elok. Mungkin pembahagian harta tidak mengikut 'faraid' memang harta ditumpukan pada perempuan (bagi menjaga maruah) manakala hasilnya boleh dimakan bersama. Malah orang lelaki yang mengusahakannya. Tanggapan mengatakan adat bertentangan dengan agama tidak boleh diterima begitu sahaja tanpa memahami maksud yang tersirat dan perkara yang benar-benar telah ditolak.

Pengamal Adat Perpatih dikatakan juga sebagai pasif tidak menuju kemajuan kerana dikongkong oleh adat. Perkara ini tentu tidak benar. Adat tidak mengongkong pengamalnya. Beberapa ungkapan cukup jelas mengenai perkara ini:

*Alam berkembang menjadi guru  
Kok cerdik minta rundingan  
Kok alim minta doanya  
Fikiran tak sekali datang*

Adalah jelas di dalam pepatah petitihnya mengandungi falsafah dan ketentuan yang mendalam di mana ia perlu dihayati oleh pengamal. Malah banyak lagi ungkapan yang berkehendakkan pengamalnya membuka pemikiran menjadi orang cerdik pandai.

Sebenarnya banyaknya lagi sanggahan dan momokan yang dibuat ke atas Adat Perpatih dengan tujuan menghina dan memperbodohkan masyarakat Adat Perpatih. Tidak boleh disalahkan mereka kerana kurangnya pemahaman dan penjelasan yang diberikan kepada golongan masyarakat di luar adat ini.

### **5. AMALAN 'SINGKAP DAUN AMBIL BUAH'**

Adalah amat sedih dan malang sekali di kalangan pengamal adat ini sendiri secara sengaja merendah-rendahkan martabat adat kerana dalam banyak hal mengambil sikap sambil lewa dan berselindung di bawah ungkapan 'Singkap daun dambil buah'. Kenapa hal ini berlaku?

#### **5.1 Tidak Faham**

Ramai diantara pengamal adat ini semakin kurang faham fungsi adat yang sebenar kerana mereka tidak menghayati serta memahami apa yang tersirat pada setiap ungkapan petiti terutama dalam perkara tertentu. Kerana kurang faham ini untuk menyelesaikan masalah atau sesuatu perkara mereka terus sahaja memintas ke hujung dengan mengatakan 'Singkap daun ambil buah'

#### **5.2 Tidak Yakin**

Pengamal adat sendiri tidak yakin dan tidak dapat memberi bukti serta penjelasan apabila mereka ditanya tentang aspek-aspek tertentu mengenai adat. Lantaran itu menyerahkan pada 'singkap daun ambil buah' sebagai jalan mudah menyelesaikan pertanyaan. Seringkali teragak-agak dan ragu-ragu semacam tidak yakin.

#### **5.3 Faktor Masa**

Masa itu emas. Berdepan dengan perkara remeh temeh tentang adat akan membuang masa. Tambahan pula bagi pengamal adat yang mempunyai kepentingan 'mencari harta dan wang ringgit' kerana takut kerugian dan hilang peluang 'makan' ketika menyelesaikan perkara adat akan mengambil sikap 'singkap daun ambil buah'

#### **5.4 Urusan Lain**

Dunia semakin canggih kerana itu timbul beberapa urusan mengenainya. Keterlibatan pengamal adat dalam urusan ini menyebabkan penyelesaian perkara adat tinggalkan kerana ia tidak sepenting urusan yang hendak dilakukan. Lantaran iu secara tergocoh-gocoh menjalankan adat dan sudah tentu 'singkap daun ambil buah'.

#### **5.5 Takut Salah**

Pengamal adat ada sedikit sebanyak pengetahuan tentang adat tetapi 'tengah lareh' menyebabkan rasa takut hendak berhujah dengan lebih jauh dan mendalam. Kerana takut salah maka cepat-cepat terjun menggunakan kesempatan 'singkap daun ambil buah' yang dapat melegakan resah gelisahnya.

#### **5.6 Takut Kena Ejek**

Ada setengah pengamal adat faham akan yang tersirat ke atas perkara-perkara tertentu, tetapi tidak berani menyatakan pendirian dan menerangkan maksud adat dengan tepat kerana merasakan perkara itu diceberkan oleh pihak luar. Pendek kata takut kalau kena ejek, takut dikatakan kuno, ortodok dan tidak maju menjadikan 'singkap daun ambil buah' juga menjadi sasaran.

#### **5.7 Tiada Panduan**

Sesetengah pengamal adat terlalu berani bertindak sendiri, menjadi bodoh sombong menganggap diri pandai dan memperkatakan sesuatu yang kurang tepat atau kurang benar. Lantaran itu menjadikan maksud sebenar terpesong. Dengan kata lain mereka tidak mendapatkan panduan sebenar daripada orang yang lebih tahu dan apabila 'terdodek' lantas memilih 'singkap daun ambil buah' bagi meredakan keadaan.

#### **5.8 Pemudah Cara Kurang (pakar rujuk)**

Bidang dalam Adat Perpatih memang luas ia tidak mudah untuk diperkatakan satu persatu secara 'petik hujung jari' (offhand) kerana itu orang yang betul-betul mahir sebagai pemudah cara sangat kurang atau terhad. Maka dalam kebuntuan masalah tidak dapat dirujuk. Jadi untuk menyelesaikan masalah senjata tajamnya ialah 'singkap daun ambil buah'.

### **5.9 Tidak Mahu Ambil Tahu**

Kebanyakan pengamal adat mengambil sikap ambil mudah, tahu sedikit cukuplah tidak mahu mendalami perkara adat dengan sedalam-dalamnya. Sikap negatif ini menikam diri sendiri apabila berhadapan dengan masalah menyelesaikan adat kerna tidak mahu malu maka penyelesaiannya tidak lain dan tidak bukan 'singkap daun ambil buah'.

### **5.10 Buang Duit**

Sesetengah pengamal adat menganggap melakukan adat itu sebagai banyak membazir membeli kelengkapan atau banyak 'keleteh menihnya' dan memandangkan duit itu lebih penting maka rela mengorbankan bahagian adat yang cukup cantik itu menjadi kontot ia tidak dibaca atau dihuraikan maka dikatakan sahaja 'singkap daun ambil buah'.

### **5.11 Sengaja Hendak Ringkas**

Pengetahuan tentang adat cukup banyak tahu dan faham di kalangan pengamal adat tetapi disebabkan sesuatu desakan dan atas kepentingan tertentu maka dijalankan hal-hal adat itu sebagai 'ambil ada' sahaja kerana hendakkan kerjanya ringkas tanpa mahu berlambat menjalankan upacara itu dengan sempurna. Sekali lagi 'singkap daun ambil buah'

### **5.12 Hukum Dalam Adat**

Peraturan adat dan hukumnya jelas oleh kerana takut dihukum kerana melakukan kesilapan dalam menjalankan sesuatu upacara adat maka jalan keluar sebagai pelindung diri lalu dipakailah ungkapan 'singkap daun ambil buah'

### **5.13 Mengalah Kerana Tidak Mahu Menyusahkan**

Pepatah petitih memang banyak pengamal adat tidak mempunyai kecekapan berbicara mengenainya. Kerana tidak mahu pening kepala mengingati pepatah petitih yang berkaitan (adat meminang) maka dengan cepat berundur dengan mengatakan 'singkap daun ambil buah'. Dapatlah ia berlindung dari pada dikatakan tidak tahu.

#### **5.14 Keadaan Persekitaran**

Pengamal adat yang tahu dan faham tinggal bersama dalam kelompok masyarakat bercampur-campur (kawasan perumahan) ada di antaranya suka menjalankan upacara adat dan setengah tidak suka malah benci. Hal ini menjadikan pengamal adat serba salah sama ada mahu dianggap tidak mengamalkan adat, maka dalam upacara adat kebanyakannya 'singkap daun ambil buah'.

#### **5.15 Sikap Masyarakat Moden – Individualistik**

Dunia moden kemajuan berkembang, anggota masyarakat kelompok ini menyindir dan memandang kurang senang akan perlakuan adat. Mereka sering mencemuh dan menyindir yang bukan-bukan menyebabkan pengamal adat semcam tawar hati untuk menjalankan upacara adat sebenarnya. Daripada dikata bangsa yang tidak beradat dan berbudaya maka ketika menjalankan adat mengambil sikap senang dan mudah 'singkap daun ambil buah'.

#### **5.16 Banyak Remeh-Temeh**

Oleh kerana melakukan upacara adat sebenar itu banyak 'remeh-temehnya' menyebabkan timbul bosan dan leceh, maka adat yang dijalankan memadailah 'singkap daun ambil buah' sahaja.

#### **5.17 Tiada Penekanan Ketua Adat**

Ketua-ketua adat (buapak atau lembaga) sama ada sedar atau tidak perlakuan yang yang dijalankan oleh 'anak buah' tanpa mahu menegur atau memaksa supaya dilakukan pada sepatutnya. Penekanan ini penting kalau tidak sikap 'singkap daun ambil buah' akan berterusan.

#### **5.18 Sogokan Atau Ugutan**

Pengamal adat yang tahu dan faham oleh kerana kepentingan diri menerima cadangan 'singkap daun ambil buah' oleh tuan rumah atas alasan yang berbagai. Dalam hal ini menerima sogokan tetapi sebaliknya bagi pengamal adat yang patuh untuk menjalankan upacara berkeras untuk menjalankan upacara adat seperti yang sepatutnya tetapi diugut pula oleh pihak tertentu kalau tidak 'singkap daun ambil buah' akan menerima padah mahu tidak mahu proses 'singkap daun ambil buah' berlaku juga.

### **5.19 Kurang Daya Penghafalan**

Ungkapan dan bahasa dalam pepatah petiti begitu cantik dan unik susunan. Bukan mudah untuk diingat satu persatu bagi pengamal yang mahir dapat menyebutnya macam air lalu tetapi bukan ramai yang begitu. Malah ramai yang kurang daya penghafalan tersekat-sekat ketika menyebut atau terhenti-henti untuk mengingat. Kerana tidak mahu merosakan suasana lantas berkata 'singkap daun ambil buah' sahaja selesailah masalah.

### **5.20 Tidak Memadai Ganjaran**

Pengamal adat yang faham dan tahu dikaburi oleh duit atau ganjaran. Melakukan upacara adat lebih kepada sukarela dan kalau pun dapat upahnya tidak seberapa (barangkali pulut dan telur) maka menganggap menjalankan upacara adat tidak lagi memadai 'poi hombus pulang ongap' maka apabila dilakukan upacara adat itu memadailah 'singkap daun ambil buah' sahaja.

## **6. KE ARAH MENGEMILANGKAN ADAT**

- 6.1** Fahamkan intipati, falsafah dan konsep yang ada dalam adat, kaji satu persatu secara bersistem.
- 6.2** Lakukan sesempurna mungkin segala upacara adat yang dijalankan.
- 6.3** Hormati ketua dan pemimpin adat
- 6.4** Adakan pendedahan yang cukup kepada semua golongan masyarakat melalui kursus , forum, majlis perbincangan adat, lakonan upacara adat mengikut keadaan sebenar dan kaji semula kelemahan yang terdapat dalam pengamalan adat
- 6.5** Harus diwujudkan sebuah intitusi atau lembaga adat yang tersusun dan berwibawa tentang peraturan dan undang-undang adat yang dipakai oleh semua
- 6.6** Jadikan upacara adat sebaik mungkin dan menarik
- 6.7** Wujudkan perasaan megah sebagai bangsa yang beradat; yang kaya dengan tradisi dan identiti
- 6.8** Adat hendaklah dijaga perlakuannya dari satu generasi ke satu generasi; pendek kata ada kesinambungnya.
- 6.9** Sanggah mana yang bercanggah dan berikan maklumat betul

## **7. ASPEK-ASPEK ADAT PERPATIH YANG PERLU DIKETAHUI**

- 7.1** Apa dia Adat Perpatih
- 7.2** Asal usul Adat Perpatih
- 7.3** Falsafah dan konsep dalam Adat Perpatih
- 7.4** Fahami maksud yang tersirat bukan sahaja yang tersurat
- 7.5** Cari cara penyelesaian sesuatu masalah yang sering timbul
- 7.6** Harus memahami sesuatu aspek Adat Perpatih dan buat perbandingan dan perbezaannya.
- 7.7** Fahami suku-suku dan peranan ketua adat
- 7.8** Memahami semua struktur yang ada dalam Adat Perpatih daripada anak buah hingga Raja
- 7.9** Fahami tentang hukum yang hendak dijatuhkan dan apakah kewibawaan yang ada pada ketua adat.
- 7.10** Pengamal adat seharusnya memperdalam selok-belok mengenai adat tanpa kekok dan teragak-agak
- 7.11** Seharusnya rajin menghadiri majlis-majlis adat yang sebenar untuk melihat perjalanan adat
- 7.12** Seharusnya pengamal adat berani menegur dan menasihati sebarang upacara adat secara beradat.

## **8 KESIMPULAN**

- 8.1** Adat Perpatih merupakan suatu sistem sosial yang hidup dan sesuai digunakan bukan sahaja oleh masyarakat adat Negeri Sembilan malah boleh digunakan oleh masyarakat mana sekalipun.
- 8.2** Adat Perpatih merupakan suatu bentuk tradisi yang benar-benar menjadi identiti kepada Negeri Sembilan dan wilayah-wilayah yang mengamalkan selain di Negeri Sembilan seperti Kampung Lukut, Kota Tinggi, Jamaluang, Johor, Naning, Melaka, Beranang, Selangor dan mungkin ada beberapa tempat lain yang kita belum dapat kesan.
- 8.3** Pepath petiti yang dijalankan landasan falsafah mampu mengkayakan perbendaharaan bahasa dan sastera yang dapat mengasyikkan serta menambah ilmu pengetahuan; tambahan pula kalau setiap ungkapan dapat dihayati sepenuhnya.
- 8.4** Sebarang usaha mengekalkan pemakaian adat ini secara sebenarnya harus diberikan sokongan dan pihak yang berwibawa dan kukuh kewangan seharusnya bermurah hati membiayai dan menaja apa juga aktiviti yang berkaitan dengan adat ini.
- 8.5** Adalah dicadangkan supaya diwujudkan "Pusat Sumber Adat" sebagai tempat rujukan umum.